

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, DAERAH PENTADBIRAN, 2025

### Semua Daerah di Utara Malaysia Menua

PUTRAJAYA, 2 OKTOBER 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan statistik berkaitan **Anggaran Penduduk Semasa, Daerah Pentadbiran, 2025** pada hari ini. Laporan ini memaparkan anggaran penduduk di peringkat negeri dan daerah pentadbiran bagi tahun 2024 dan 2025. Anggaran penduduk semasa adalah berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020. Anggaran penduduk ini menggunakan kaedah komponen kohort yang meliputi kelahiran, kematian dan migrasi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Sepuluh daerah muncul sebagai daerah menua baharu (penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 7.0%) pada 2025 iaitu Seremban, Negeri Sembilan; Jerantut, Pahang; Kluang, Johor; Kuantan, Pahang; Bachok, Kelantan; Pontian, Johor; Subis, Sarawak; Alor Gajah, Melaka; Keningau, Sabah dan Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Oleh itu, semua daerah di utara Malaysia kini diklasifikasikan sebagai daerah menua”.

United Nations telah menetapkan tiga kategori penuaan, iaitu *ageing society*, *aged society* dan *super-aged society* di mana masing-masing merujuk kepada penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencelik 7 peratus, 14 peratus dan 20 peratus. Penuaan berdasarkan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) pula apabila penduduk berumur 60 tahun dan lebih mencelik 15 peratus daripada jumlah penduduk.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, "Daerah Petaling, Selangor mencatatkan bilangan penduduk tertinggi pada 2025 dengan 2.4 juta, diikuti Johor Bahru, Johor (1.8 juta) dan Ulu Langat, Selangor (1.5 juta). Manakala Kecil Lojing, Kelantan mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi dengan 3.6 peratus, diikuti Marang, Terengganu (1.6%) dan Kemaman, Terengganu (1.4%). Bukit Mabong, Sarawak merekodkan jumlah penduduk terendah dengan 10.7 ribu diikuti oleh Song, Sarawak (10.4 ribu) dan Tanjung Manis, Sarawak (7.9 ribu)".

Mengulas lanjut, tiga daerah di Kelantan mencatatkan peratusan penduduk muda berumur 0-14 tahun tertinggi pada 2025 iaitu Gua Musang (32.4%), Kecil Lojing (31.9%) dan Tumpat (31.6%). Sebauh, Sarawak mendahului peratusan bagi kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dengan 80.0 peratus, diikuti Belaga, Sarawak (78.8%) dan Kinabatangan, Sabah (78.4%). Lubok Antu, Sarawak pula merekodkan peratusan penduduk umur tua tertinggi (65 tahun dan lebih) iaitu 15.7 peratus.

Lubok Antu, Sarawak mencatatkan umur penengah tertinggi 38.8 tahun pada 2025, diikuti oleh Saratok, Sarawak (38.1 tahun) dan Kabong, Sarawak (35.8 tahun). Tumpat, Kelantan mencatatkan nisbah tanggungan jumlah tertinggi, 64.1 serta nisbah tanggungan umur muda tertinggi pada 51.9. Sebaliknya, nisbah tanggungan umur tua tertinggi dicatatkan di Lubok Antu, Sarawak (23.6).

Beliau turut menyatakan, perempuan melebihi lelaki bagi tiga belas daerah iaitu Muallim, Perak dengan nisbah jantina 92 lelaki bagi setiap 100 perempuan, diikuti Bachok, Kelantan (94); Samarahan, Sarawak (94); Song, Sarawak (96); Kubang Pasu, Kedah (97); Saratok, Sarawak (97); Julau, Sarawak (98); Pasir Puteh, Kelantan (98); Tumpat, Kelantan (98); Kanowit, Sarawak (99); Kota Setar, Kedah (99), Machang, Kelantan (99) dan Maradong, Sarawak (99). Cameron Highlands, Pahang mencatatkan nisbah jantina tertinggi pada 2025 dengan 153 lelaki bagi setiap 100 perempuan diikuti Bukit Mabong, Sarawak (152) dan Belaga, Sarawak (131).

Setiu, Terengganu mempunyai komposisi Bumiputera tertinggi dengan 99.8 peratus diikuti Nabawan, Sabah (99.6%) dan Hulu Terengganu, Terengganu (99.4%). Komposisi Cina tertinggi direkodkan di daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan 63.5 peratus diikuti Sibu, Sarawak (48.0%) dan Kampar, Perak (47.7%). Bagi India pula, komposisi tertinggi dicatatkan di Bagan Datuk, Perak (23.1%), diikuti Klang, Selangor (18.6%) dan Port Dickson, Negeri Sembilan (18.2%).

Petaling, Selangor mempunyai kepadatan penduduk tertinggi dengan 4,858 orang bagi setiap kilometer persegi, diikuti oleh Timur Laut, Pulau Pinang (4,748 orang) dan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (1,895 orang).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 2 Oktober 2025**

**Jadual 1: Indikator utama penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2025<sup>p</sup>**

Negeri	Bilangan penduduk ('000)	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	Struktur umur (%)			Umur penengah (tahun)	Nisbah jantina
			0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun		
<b>Malaysia</b>	<b>34,231.7</b>	<b>0.5</b>	<b>21.6</b>	<b>70.4</b>	<b>8.0</b>	<b>31.3</b>	<b>110</b>
Johor	4,205.9	0.5	20.9	71.3	7.8	30.9	116
Kedah	2,228.0	0.5	23.7	66.9	9.4	29.7	104
Kelantan	1,907.7	1.0	27.6	65.0	7.4	26.2	101
Melaka	1,052.5	0.6	21.8	70.9	7.3	30.8	112
Negeri Sembilan	1,244.6	0.4	23.1	68.8	8.1	31.3	108
Pahang	1,678.2	0.6	23.2	69.7	7.1	30.0	114
Perak	2,574.9	0.2	20.5	69.2	10.3	32.1	109
Perlis	297.8	0.3	19.3	72.2	8.5	30.1	99
Pulau Pinang	1,803.3	0.2	18.4	73.2	8.4	33.6	105
Sabah	3,759.6	0.5	23.1	70.5	6.4	27.7	109
Sarawak	2,529.8	0.5	19.6	71.3	9.1	32.8	106
Selangor	7,406.8	0.6	20.6	71.0	8.4	33.8	114
Terengganu	1,246.9	1.2	27.6	66.1	6.3	27.4	106
W.P. Kuala Lumpur	2,074.1	0.3	16.8	76.1	7.1	36.1	117
W.P. Labuan	100.9	0.1	25.5	69.0	5.5	29.6	105
W.P. Putrajaya	120.8	0.4	33.3	64.7	2.0	27.6	97

**Jadual 2: Tiga daerah dengan bilangan penduduk tertinggi, Malaysia, 2025<sup>p</sup>**

Kedudukan	Daerah pentadbiran	Bilangan ('000)
1	Petaling, Selangor	2,370.6
2	Johor Bahru, Johor	1,814.4
3	Ulu Langat, Selangor	1,516.6

**Jadual 3: Tiga daerah dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan tertinggi, Malaysia, 2025<sup>p</sup>**

Kedudukan	Daerah Pentadbiran	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
1	Kecil Lojing, Kelantan	3.6
2	Marang, Terengganu	1.6
3	Kemaman, Terengganu	1.4

**Jadual 4: Tiga daerah dengan komposisi penduduk mengikut kumpulan etnik tertinggi bagi warganegara, Malaysia, 2025<sup>p</sup>**

Bumiputera			India		
Kedudukan	Daerah pentadbiran	%	Kedudukan	Daerah pentadbiran	%
1	Setiu, Terengganu	99.8	1	Bagan Datuk, Perak	23.1
2	Nabawan, Sabah	99.6	2	Klang, Selangor	18.6
3	Hulu Terengganu, Terengganu	99.4	3	Port Dickson, Negeri Sembilan	18.2
Cina			Lain-lain		
Kedudukan	Daerah pentadbiran	%	Kedudukan	Daerah pentadbiran	%
1	Timur Laut, Pulau Pinang	63.5	1	Padang Terap, Kedah	7.2
2	Sibu, Sarawak	48.0	2	Kinabatangan, Sabah	7.1
3	Kampar, Perak	47.7	3	Kunak, Sabah	6.0

**Jadual 5: Tiga daerah dengan peratusan penduduk mengikut kumpulan umur tertinggi, Malaysia, 2025<sup>p</sup>**

0-14 tahun			65+ tahun		
Kedudukan	Daerah pentadbiran	%	Kedudukan	Daerah pentadbiran	%
1	Gua Musang, Kelantan	32.4	1	Lubok Antu, Sarawak	15.7
2	Kecil Lojing, Kelantan	31.9	2	Sri Aman, Sarawak	13.9
3	Tumpat, Kelantan	31.6	3	Kabong, Sarawak	12.9
15-64 tahun			60+ tahun		
Kedudukan	Daerah pentadbiran	%	Kedudukan	Daerah pentadbiran	%
1	Sebauh, Sarawak	80.0	1	Lubok Antu, Sarawak	22.6
2	Belaga, Sabah	78.8	2	Saratok, Sarawak	19.7
3	Kinabatangan, Sarawak	78.4	3	Kampar, Perak; Sri Aman, Sarawak	19.2

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 2 Oktober 2025**

**Jadual 6: Tiga daerah dengan umur penengah tertinggi, Malaysia, 2025<sup>p</sup>**

Kedudukan	Daerah pentadbiran	Tahun
1	Lubok Antu, Sarawak	38.8
2	Saratok, Sarawak	38.1
3	Kabong, Sarawak	35.8

**Jadual 7: Tiga daerah dengan nisbah tanggungan tertinggi, Malaysia, 2025<sup>p</sup>**

Jumlah			Umur muda			Umur tua		
Kedudukan	Daerah pentadbiran	%	Kedudukan	Daerah pentadbiran	%	Kedudukan	Daerah pentadbiran	%
1	Tumpat, Kelantan	64.1	1	Tumpat, Kelantan	51.9	1	Lubok Antu, Sarawak	23.6
2	Song, Sarawak	61.7	2	Gua Musang, Kelantan	51.8	2	Sri Aman, Sarawak	20.8
3	Pasir Puteh, Kelantan	60.6	3	Kecil Lojing, Kelantan	49.1	3	Song, Sarawak	20.1

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**2 OKTOBER 2025**